

**TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

1.0 SYARAT PENYERTAAN

1.1 Penyertaan dijemput kepada pihak yang terlibat dengan seni grafik dan rekabentuk, warga JANM dan warga perkhidmatan perakaunan di Kementerian/Jabatan;

1.2 Semua penyertaan hendaklah sampai ke alamat berikut dan diterima sebelum atau pada **31 Mei 2016** sebelum jam **12.00 tengahari** :

Urusetia
Pertandingan Mencipta Logo JANM
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1 Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
Telefon : 03-88821090 / 1033 / 1196
Emel : upk@anm.gov.my

1.3 Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan. Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan seperti di **Lampiran A** yang lengkap diisi dengan butiran peserta;

1.4 Semua ciptaan mestilah berbentuk asli dan tidak ditiru/diceduk/diciplak dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negeri. Pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hak cipta logo tersebut. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya dikemukakan tidak asli / ciplak;

1.5 Setiap penyertaan logo yang diterima tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik jabatan. Jabatan mempunyai hak untuk menggunakan logo yang diterima;

1.6 Jabatan mempunyai hak untuk mengubah suai logo yang direka cipta oleh peserta;

- 1.7 Pemenang akan dihubungi oleh pihak urusetia. Walau bagaimanapun, jabatan berhak untuk tidak memilih pemenang di kalangan peserta yang bertanding sekiranya panel hakim memutuskan tiada peserta yang layak dianugerahkan sebagai pemenang utama; dan
- 1.8 Segala kos untuk penyertai pertandingan ini atas tanggungan peserta sendiri.

2.0 SPESIFIKASI LOGO

- 2.1 Reka bentuk logo haruslah selaras dengan fungsi dan tugas utama JANM iaitu sebagai penyedia perkhidmatan perakaunan kepada Kerajaan dengan mengambilkira *tagline* JANM iaitu '*Excellent Accounting @ Your Service*'.
- 2.2 Penciptaan logo dan tema juga perlu selaras dengan perubahan JANM dalam menyediakan dan memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan yang komprehensif bagi mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam.
- 2.3 Logo menggambarkan pelaksanaan perakaunan akruan dan organisasi sektor awam yang dinamik.
- 2.4 Logo hendaklah memaparkan hasrat penubuhan, falsafah, visi, misi dan objektif JANM (maklumat boleh didapati di laman web rasmi JANM).
- 2.5 Setiap reka bentuk logo hendaklah menggunakan warna korporat JANM iaitu biru, merah dan kuning. Warna-warna yang digunakan harus mempunyai keterangan atau penjelasan (rasional). Warna dan corak pada setiap logo yang dicipta mesti disertakan dengan penerangan yang rasional dalam Bahasa Melayu **DAN** Bahasa Inggeris.
- 2.6 Reka bentuk logo hendaklah menggambarkan ciri - ciri korporat.
- 2.7 Reka Bentuk mestilah tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga.
- 2.8 Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7cm) berwarna putih dalam komputer grafik dan dilekatkan pada kertas tebal atau *mounting board*. Rekabentuk juga perlu disediakan dalam bentuk *softcopy* menggunakan format AI (Adobe Illustration) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960, GIF,BMP,PICT atau menggunakan *software* terkini yang bersesuaian.

- 2.9 Tulisan boleh dimasukkan di dalam logo tetapi ia hendaklah boleh dibaca.
- 2.10 Reka bentuk logo haruslah menarik, jelas, mudah dan kemas
- 2.11 Setiap ciptaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *soft copy* (CD) dan *hard copy*.

3.0 **PENGADILAN**

- 3.1 Setiap penyertaan akan dinilai dari aspek konsep, kreativiti dan keaslian oleh panel juri yang dilantik.
- 3.2 Keputusan panel juri adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.

4.0 **HADIAH**

- 4.1 Seorang peserta hanya dibenarkan untuk memenangi satu hadiah sahaja.
- 4.2 Peserta yang dipilih sebagai pemenang akan menerima hadiah wang tunai dan sijil penyertaan seperti berikut:

Tempat pertama : RM 1,000

Tempat kedua : RM 750

Tempat ketiga : RM 500

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Perhatian:

- i) *Sila gunakan satu borang untuk satu penyertaan.*
- ii) *Borang penyertaan pertandingan mencipta logo perlu dilengkapkan dan dikemukakan kepada urusetia pertandingan selewat-lewatnya pada 31/05/2016 sebelum jam 12.00 tengahari.*

Nama penuh (seperti dalam KP) :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan dan Gred :

Alamat surat menyurat :

.....

.....

Telefon Pejabat & HP :

Alamat e-mel :

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa idea, konsep dan penerangan berkaitan logo yang saya peroleh serta hasil karya logo yang saya sertakan dalam pertandingan ini adalah hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak atau diambil dari mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain. Saya juga akan bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua bentuk tindakan daripada mana-mana pihak terhadap saya yang berkaitan dengan logo ini.

Tandatangan :

Tarikh :